

# Kunjungan hormat ke Education Malaysia Egypt

BP 1.3.2018 B2

**EDUCATION** Malaysia Egypt (EME) telah menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pengerusi Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia Cawangan Sabah (YDKMM Sabah) Ghafur Rahim Mustakim.

Kunjungan itu dibuat bersama Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia Cawangan Mesir (YDKMM Mesir) dan Delegasi YDKMM dari Malaysia di Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah.

Antara delegasi yang menyertainya ialah pengasas dan penasihat utama YDKMM Dr Hj Mohd Hizul Azri Md Noor, Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia YDKMM Nursyakinah Saad, Ketua Unit Pembangunan Modal Insan Sekolah Nurhafezzah Hussin bersama ahli jawatankuasa tertinggi YDKMM Mesir, terdiri Ustaz Muhammad Haziq Iqbal Azero (pengerusi), Ustazah Nur Fatin Abdul Rahman (timbalan pengerusi YDKMM Mesir), Noor Amirah Huda Ahmad Mahmud (setiausaha) dan Siti Nur Nazihah Che Ab Rahim (bendahari).

Tujuan pertemuan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim bersama Menteri Penasihat (Pendidikan) Aizal Anual,

serta Ustaz Rahmat Abdullah selaku setiausaha kanan Pendidikan EME, sekaligus menguatkan hubungan EME dan YDKMM Mesir serta delegasi YDKMM Malaysia.

YDKMM Mesir memberitahu mereka sedia memberikan bantuan kepada pihak EME dalam bekerjasama membantu para pelajar Malaysia yang berada di Mesir dari sudut akademik dan kemahiran insaniah.

“Saya mengharapkan agar YDKMM Mesir terus menjalin hubungan baik dan dapat bekerjasama dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar Mesir,” kata Aizal dalam pertemuan kali kedua itu.

Beliau turut berbangga kerana dapat bertemu secara langsung dengan delegasi kepimpinan dari Malaysia.

Beberapa slot motivasi khas telah dianjurkan bersempena lawatan itu, yang berkaitan dengan isu belia dan remaja, kesihatan dan juga keibubapaan.

Pada 9 Februari, satu forum perdana yang bertajuk ‘Segulung Ijazah Cinta’ yang menggandingkan tiga panel iaitu graduan Sains dan Bioteknologi, Universiti Malaysia (UMS) Sabah

Nur Hafezza Hussin, calon Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD) dalam bidang Sains Marin UMS Ghafur Rahim Mustakim dan juga Ustaz Irwandy Al-Busthomy, Ijazah Sarjana dalam bidang Ushul Fiqh, juga graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah di Universiti Al-Azhar.

Forum itu sedikit sebanyak berjaya menunjukkan jalan keluar bagi permasalahan dan cabaran mahasiswa untuk berjaya. Antara isu yang berjaya dirungkaikan adalah akademik, cabaran kos sara hidup di Mesir dan adaptasi cara belajar.

Ahli panel turut mengingatkan tentang harapan masyarakat Malaysia kepada graduan dari Mesir, terutamanya graduan Al-Azhar yang diharapkan dapat membantu menyelesaikan isu ummah.

Bagi Ghafur, beliau tidak senang duduk andai waktunya di Mesir tidak dipenuhi dengan aktiviti bermanfaat yang dapat menambah nilai kehidupan pelajar Malaysia di negara itu.

Lawatan satu-satunya wakil dari Sabah ke Mesir dalam delegasi YDKMM Malaysia kali ini mendapat undangan sebagai penceramah dalam program ‘Leadership Transformation

Programme’.

Program itu dianjurkan khusus buat pelajar Malaysia yang berada di Universiti Al-Azhar. Para peserta merupakan mahasiswa daripada pelbagai bidang, antaranya Ulum Islamiyah, Perubatan, Pergigian, Syariah dan Usuluddin.

Selain itu, atas dasar rasa tanggungjawab Ghafur terhadap anak Sabah yang sedang menuntut di Mesir, beliau sempat melakukan lawatan secara tidak rasmi dan beramah mesra dengan anak Sabah yang berada di Mesir untuk bertanya kabar berkaitan isu semasa dan akademik mereka.

Ghafur yang juga timbalan presiden Bahagian Pembangunan Belia YDKMM Sabah turut dijemput sebagai penceramah dalam slot yang bertajuk ‘Success Start With Confidence’.

Program terbuka anjuran YDKMM cawangan Mesir dengan kerjasama Rumah Negeri Melaka itu telah diadakan pada 4 Februari, bermula jam 7 hingga 9 malam, bertempat di Surau Wisma Seri Melaka.

“Jadilah muslim yang mampu menyumbang kejayaan demi agama Islam,” merupakan petikan ceramah beliau yang penuh berwibawa.

Nurul Husna Shahrudin, 23, mahasiswa jurusan Ulum Islamiyah dan Bahasa Arab di Universiti Al Azhar berkata, “Perkongsian kali ini benar-benar membuka mata mahasiswa yang inginkan kejayaan besar dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Sebagai seorang mahasiswa yang sedang menuntut ilmu pastinya ada amanah besar yang sedang dipikul dan ia perlu bermula dengan keyakinan yang tinggi.”



**GHA Fur bersama Aizal, Rahmat dan rombongan YDKMM Mesir serta YDKMM Malaysia ketika kunjungan hormat terhadap EME.**